



**PERASMIAN:** Gimik memotong kek semasa Majlis Perasmian Tamu Gadang UMS kali ke-21.



**DAPAT SAMBUTAN:** Pengunjung yang menyaksikan persembahan yang dijalankan di Padang Kawad UMS.




**KREATIF:** Persembahan Pertandingan Tarian Kreatif Melayu.



**ANGKLUNG:** Persembahan Kelana Young Angklung.

# Tamu Gadang UMS kali ke-21 berlangsung meriah

Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk persembahan artis popular tanah air



## DARI KAMPUS

UB 12.12.2019  
KOTA KINABALU: Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-21 yang berlangsung selama tujuh hari, bermula pada 19 November 2019 hingga 25 November 2019, bermula pada jam 9 pagi hingga 11 malam bertempat di Padang Kawad UMS.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin merasmikan Tamu Gadang UMS kali ke-21 di Padang Kawad UMS yang menjadi lokasi Tamu Gadang.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni) Prof. Madya Dr. Raman Noordin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Rasid Mail, Bendahari UMS Zallifah Shadan, Ketua Pustakawan UMS Zawawi Tiyunin, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Kamisah Husin dan pegawai-pegawai UMS.

Berlangsung selamat tujuh hari, dianggarkan seramai 100,000 pengunjung yang terdiri daripada siswa-siswi UMS dan orang awam hadir memeriahkan Tamu Gadang yang disi dengan pelbagai aktiviti menarik, serta aneka makanan dan barang dari-pada kira-kira 200 gerai pameran, makanan dan minuman serta jualan yang disediakan.

Antara aktiviti yang diadakan termasuklah Pertandingan Melayu Kreatif Terbuka,

Pertandingan Rentak Kugiran, Pertandingan Nyanyian Solo, Pertandingan E-Sports Mobile Legends, Pertandingan Lumba Makan dan banyak lagi.

Tambahan pula, Tamu Gadang tahun ini juga dimeriahkan lagi dengan persembahan artis-artis popular tanah air seperti Daniesh Suffian, Naim Daniel, UNIC, Atmosfera, K-Clique, Ratu Rock Ella, dan Estranged.

Malam terakhir Tamu Gadang kali ini menampilkan persembahan khas daripada staf UMS termasuk staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Persembahan kugiran iaitu kumpulan yang diberi nama LeftRoute band yang sebelum ini HEPA band pada malam itu menarik perhatian pengunjung dan penonton di pen-

tas utama Tamu Gadang.

Kumpulan LeftRoute band terdiri daripada Aaron Tam selaku penyanyi utama, Lycan (penyanyi), Elmo (penyanyi), Jinggo (gitar utama), Mr. General (gitar ke-2), Markus (Bass) dan A.K. (drum).

Turut membuat persembahan pada malam itu adalah persembahan tarian yang diketuai oleh Ayin bersama Ana, Zeela, Watie, Elmo, Neng dan penari-penari daripada Kelab Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Tamu Gadang pada malam itu diserikan lagi dengan persembahan penutup tarian daripada kumpulan Estranged. Tamu Gadang UMS kali ke-21 tahun ini adalah dianjurkan bersama MaFest Event.